



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BERWASPADA DENGAN SINDIKET PENIPUAN”

21 Januari 2022 / 18 Jamadil Akhir 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ رَبِّ الْعَالَمِينَ، اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ عَلَى نِعْمَةِ الْاِسْلَامِ وَالْاِيْمَانِ، وَلَكَ الْحَمْدُ اَنْ
جَعَلْتَنَا مِنْ اُمَّةٍ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ ﷺ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَاَشْهَدُ
اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى اٰلِهِ
وَصَحْبِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ³ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ اِلَّا وَانْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Para tetamu di rumah Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya, di samping mengikhlaskan setiap niat dan amal kita; mudah-mudahan kita dihimpunkan dalam kalangan orang-orang yang memperoleh nikmat dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “BERWASPADA DENGAN SINDIKET PENIPUAN”.

Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa’ ayat 29:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَاْكُلُوْا اَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ تِجَارَةً عَن
تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوْا اَنْفُسَكُمْ ۗ اِنَّ اللهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيْمًا⁴

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sungguh, Allah Maha Penyayang kepadamu.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Islam mencela perbuatan menipu. Perbuatan menipu bukan hanya sangat tercela di sisi Islam, malah turut dicela dalam pelbagai budaya dan pegangan agama. Perbuatan menipu

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



dengan melakukan pelbagai muslihat hingga ke peringkat mengambil harta orang lain dan menyebabkan orang lain menghadapi kesusahan, merupakan perbuatan jenayah.

Mutakhir ini, urus niaga berunsur penipuan atau dikenali dengan istilah *scammer* merupakan jenayah kolar putih bentuk baru yang semakin berleluasa. Urus niaga berunsur penipuan ini dilakukan oleh golongan muda yang menggunakan saluran teknologi komunikasi dan elektronik. Mereka menghubungi mangsa melalui talian, secara licik berjaya memperdayakan mangsa dengan mendapatkan maklumat dan kemudiannya mengubahsuai dan memalsukan data. Mereka memiliki daya upaya memperdaya mangsa melalui perbualan dalam talian, sehingga mangsa percaya dan yakin dengan kata-kata mereka lalu mematuhi arahan yang diberikan.

Dilaporkan 1,298 kertas siasatan berkaitan aktiviti *scammer* telah dibuka oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kontinjen Polis Perak, sepanjang tahun 2021, mengakibatkan lebih 32 juta ringgit kerugian yang ditanggung oleh mangsa yang tertipu.

Oleh itu, ummah dinasihatkan untuk berwaspada terhadap tipu muslihat yang dilakukan, dan perlu mengambil langkah berhati-hati dan teliti sebelum membuat sebarang bentuk muamalah harta. Sehingga kini, Polis Diraja Malaysia telah mengenal pasti modus operandi atau kaedah yang digunakan oleh sindiket penipuan seperti berikut:

Pertama: Macau Scam; Ahli sindiket membuat panggilan telefon kepada mangsa dengan mendakwa pemanggil mewakili agensi penguat kuasa, sama ada Polis, Suruhanjaya Pencegah Rasuah, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kastam dan sebagainya. Panggilan dibuat untuk menakutkan mangsa dengan niat mahu memperdaya, kononnya mangsa telah melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang, dan mereka menawarkan khidmat penyelesaian dengan mengenakan caj perkhidmatan untuk dimasukkan ke dalam akaun tertentu.

Kedua: Love Scam atau Cinta Palsu; Ahli sindiket menggunakan aplikasi media sosial seperti facebook, instagram, dan laman mencari jodoh. Ahli sindiket menggunakan kata-kata memikat, menjalin hubungan cinta siber dengan menggunakan identiti palsu dan kemudiannya meminta wang daripada mangsa untuk tujuan pelaburan, penghantaran hadiah, meminjam untuk tebusan harta pusaka, dan berjanji untuk berjumpa atau berkahwin.

Ketiga: Parcel Scam atau Penipuan Bungkus; dilakukan dengan meminta mangsa melakukan bayaran dalam akaun tertentu untuk pelepasan barangan yang dikatakan milik mangsa daripada tahanan pihak kastam.



Keempat: Rakan Whatsapp; Mangsa menerima panggilan telefon whatsapp daripada penjenayah yang menggunakan gambar rakan atau ahli keluarga mangsa. Penjenayah menyatakan hasrat meminta bantuan kewangan atau pinjaman disebabkan sedang dalam kesesakan atau darurat; penjenayah berjanji akan bayar balik pinjaman. Setelah berjaya diperdayakan, mangsa melakukan pindahan wang dan hanya tersedar ditipu, apabila rakan atau ahli keluarga yang sebenar, setelah dihubungi oleh mangsa menafikan ada membuat panggilan atau menghantar whatsapp memohon bantuan.

Kelima: Membuat tawaran pekerjaan secara talian. Mangsa akan menerima tawaran kerja dengan gaji yang lumayan melalui whatsapp daripada agensi atas talian. Mangsa kemudian dimasukkan dalam kumpulan whatsapp untuk diberikan taklimat pekerjaan, dijanjikan komisen yang akan dibayar dalam tempoh 15 minit selepas selesai tugas, dijanjikan hadiah sagu hati jika dapat menyelesaikan beberapa tugas dan diberikan taraf VIP kalau berjaya menyelesaikan lebih banyak tugas. Mangsa diminta melakukan whatsapp kepada perkhidmatan pelanggan Shopee, Lazada, Zalora dan sebagainya untuk mendapat tugas. Sindiket akan menyamar sebagai wakil perkhidmatan pelanggan syarikat-syarikat berkaitan dan mangsa diminta membuat bayaran dalam akaun milik penyamar tetapi akhirnya tidak menerima sebarang komisen yang dijanjikan.

Keenam: Skim pinjaman palsu. Mangsa ditawarkan pinjaman yang mudah lulus, tanpa memerlukan penjamin. Mangsa diminta membayar kos memproses pinjaman ke dalam akaun yang diberikan oleh sindiket, sedangkan pinjaman tidak pun wujud.

Ketujuh: Skim pelaburan palsu. Mangsa melihat iklan pelaburan dalam media sosial lalu menghubungi sindiket dan ditawarkan pelaburan yang mudah untung besar dalam tempoh singkat dengan jaminan tidak akan rugi. Mangsa memasukkan wang ke dalam akaun seperti yang diarahkan sedangkan tidak wujud skim pelaburan seperti yang diiklankan.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Ramai anggota masyarakat telah menjadi mangsa kepada sindiket urus niaga yang tidak berakhlak ini. Dilaporkan ramai yang telah hilang wang simpanan akibat ditipu; dan ada pula yang kini terpaksa menghadapi beban hutang yang besar. Terkini dilaporkan telah ada pula iklan yang menawarkan pakej haji dengan potongan harga yang menarik. Oleh itu, khatib mengingatkan ummah agar jangan mudah terjebak; ingatlah kepada nasihat-nasihat berikut:

Pertama: Jangan layan panggilan telefon daripada talian yang tidak dikenali; segera diputuskan panggilan jika berasa curiga.



Kedua: Menyemak dengan agensi atau syarikat yang didakwa diwakili oleh *scammer* atau penipu.

Ketiga: Jangan dedahkan maklumat perbankan seperti nombor kad ATM, nombor PIN, nama pengguna, kata laluan, nombor TAC, nombor kad kredit malah nombor kad pengenalan kepada pihak yang tidak dikenali.

Keempat: Jangan berkongsi maklumat peribadi dengan orang yang baru dikenali.

Kelima: Jangan mudah tergoda dengan janji dan kata manis kenalan dalam talian.

Keenam: Jangan terlalu cepat melakukan sebarang transaksi ke dalam akaun pihak yang tidak dikenali atau baru dikenali.

Ketujuh: Semak dengan bank yang berkaitan, maklumat akaun bank yang diberikan sebelum memasukkan wang.

Kelapan: Semak latar belakang orang atau agensi yang menawarkan pekerjaan, pinjaman dan pelaburan dan jangan mudah terpedaya dengan tawaran yang terlalu menarik dan mudah.

Kesembilan: Elak memberi tindak balas kepada e-mel atau pesanan ringkas yang mencurigakan daripada pihak yang tidak dikenali.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ
النَّبِيِّ الْكَرِيمِ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Muslimin yang dirahmati Allah,

Nabi SAW bersabda:

مَنْ عَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا

Bermaksud: Sesiapa yang menipu, maka dia bukanlah daripada kalangan kami.

(Riwayat Muslim 101)

Sedarilah tidak ada istilah CEPAT KAYA; Kekayaan tidak boleh diperolehi dengan begitu mudah dalam sekelip mata seperti menggosok lampu Aladin; oleh itu hendaklah senantiasa berwaspada supaya tidak terpedaya menjadi mangsa penipuan. Jangan ghairah membuat keputusan secara terburu-buru hingga buruk padahnya. Ketika menerima tawaran yang bunyinya terlalu baik atau istimewa, buat semakan dengan kawan-kawan, atau pihak-pihak berkuasa yang lebih berpengetahuan. Segera laporkan kepada pihak polis apabila dihubungi oleh mana-mana pihak yang mencurigakan.

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁹ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk kaum muslimin



Ya Allah, lindungilah hamba-hamba Mu daripada menjadi mangsa sindiket penipuan.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami dalam kalangan hamba-Mu yang amanah, jujur dan ikhlas, serta tegas dan berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾